

UM 23 APR 2002  
Terbit buku  
kolokium  
pemikiran  
Dr. Mahathir  
dialu-alukan

MELAKA 22 April — Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohd. Zahir Ismail menyambut baik hasrat kerajaan negeri Melaka untuk menerbitkan buku hasil daripada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad yang diadakan di sini hari ini.

Menurutnya, penerbitan buku itu dapat menambah lagi koleksi penulisan yang berkaitan Perdana Menteri khususnya tentang pemikiran beliau dalam mentadbir negara.

“Buku-buku tersebut dapat disebarkan kepada orang ramai agar mereka dapat memahami pemikiran Perdana Menteri,” katanya ketika merasmikan Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata, banyak yang perlu dipelajari daripada pemikiran dan idea Dr. Mahathir yang telah berjaya membawa banyak kemajuan kepada negara malah meletakkan Malaysia setaraf dengan negara maju.

Kolokium dua hari itu dianjurkan oleh kerajaan negeri Melaka dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang antara lain bertujuan untuk mengumpul dan menyebarkan pemikiran Perdana Menteri.

Zahir memberitahu, pemi-

kiran Perdana Menteri mengutamakan permasalahan orang Melayu untuk melihat mereka terus maju dan setanding dengan bangsa lain.

Katanya, Dr. Mahathir sentiasa menekankan bahawa orang Melayu boleh melakukakan sebarang kerja dan ini dibuktikan menerusi pembuatan kereta nasional dan usa-

ha mencari gali minyak yang dijalankan oleh Petronas.

“Tiupan semangat ini telah melahirkan banyak profesional Melayu seperti yang ada pada hari ini,” katanya.

Zahir memberitahu, Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin negara berwibawa dan mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan

serta mendapat pengiktirafan pemimpin negara lain.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam ketika berucap pada majlis tersebut menyatakan, perbincangan dalam kolokium itu akan dibukukan dan diedarkan kepada orang ramai.